

CNS6065

U GB 09-08 00183 BA080

Aab

Mahathir - Penyelidikan

SHAH ALAM, 9 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sektor swasta perlu memberikan perhatian yang lebih besar kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, hingga kini aktiviti itu kebanyakannya dijalankan oleh sektor awam melalui institusi pengajian tinggi dan intitutsi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Daripada 13,605 orang tenaga kerja dalam bidang R&D di negara ini pada tahun 1989, hanya 1,835 atau 11.48 peratus daripada sektor swasta, katanya ketika berucap merasmikan kilang Matsushita Air-Conditioning Corp Sdn Bhd, Matsushita Compressor and Motor Sdn Bhd dan upacara meletak batu asas untuk Pusat R&D Matsushita Air-Conditioning di sini.

Katanya, kerajaan menggalakan sektor swasta meningkatkan aktiviti R&D kerana dalam usaha Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian, usaha itu amat penting.

+Walaupun R&D memerlukan kita mengeluarkan perbelanjaan yang besar, pada jangka panjang ia memberi faedah kepada kita,+ tambahnya. -- Lagi.

♥09/08/17-49MST

CNS6068

U GB 09-08 00164 BA081

Aab

Mahathir - Penyelidikan 2 Shah Alam

+R&D bukan sahaja dapat meninggikan mutu keluaran barang-barang Malaysia tetapi juga dapat meningkatkan 'competitive advantage' (kelebihan daripada segi persaingan) negara di pasaran antarabangsa,+ katanya.

Sambil meminta pihak swasta berpandangan jauh ke hadapan dalam usaha R&D, Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur asas dan suasana yang sesuai bagi pembangunan di bidang itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata dalam usaha memesatkan lagi proses perindustrian di negara ini, sektor awam, swasta, institusi pelajaran tinggi dan pekerja perlu mempertingkatkan peranan sains dan teknologi dalam pembangunan sosio-ekonomi Malaysia pada keseluruhannya.

+Matlamat dasar sains dan teknologi kita ialah memastikan pembangunan saintifik dan teknologi yang berterusan agar dapat dijadikan asas kepada pengwujudan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dari segi teknologi dalam tahun 2020,+ tambahnya.

Katanya, harapan kerajaan ialah menjelang tahun 2020, sektor pembuatan akan menyumbang 37 peratus kepada keluaran dalam negara kasar dan 81 peratus kepada jumlah eksport. -- Lagi.

♥09/08/17-52MST

CNS6071

U GB 09-08 00137 BA082

Ab

Mahathir - Penyelidikan 3 Shah Alam

Sektor itu juga dijangka membuka peluang pekerjaan kepada 836,000 rakyat atau 36 peratus daripada jumlah peluang pekerjaan baru yang dijangka disediakan dalam masa 10 tahun akan datang, katanya.

Perdana Menteri berkata Syarikat Matsushita telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta mengharumkan nama Malaysia di pasaran dunia melalui barang-barang keluaran yang diperbuat di kilang-kilang di sini.

+Malaysia kini terletak di tangga kedua selepas negara Jepun sebagai pengeksport pendingin hawa jenis window unit di dunia dengan jumlah eksportnya pada tahun 1990 mencapai 1.3 juta unit,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Katanya, beliau difahamkan syarikat itu telah mengatasi angka pengeluaran lima juta unit pada awal tahun ini; dan pencapaian itu membuktikan keupayaan dan kebolehan pekerja Malaysia dalam bidang pembuatan.

-- Bernama.

♥09/08/17-55MST